



## KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	KOSMO			
TARIKH	:	25/12/2018	MUKA SURAT	:	15
JABATAN	:	PERHILITAN			
KLASIFIKASI	:	<b>PERHATIAN</b>			

# Perhilitan tangkap buaya tembaga sesat

Oleh DIYANATUL ATIQAH ZAKARYA

**ALOR GAJAH** - Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) negeri berjaya menangkap seekor buaya tembaga seberat kira-kira 200 kilogram selepas reptilia itu sesat di dalam Empangan Durian Tunggal di sini kelmarin.

Pengarah Perhilitan negeri, Noorzakiah Hanum Mohd. Noh berkata, pihaknya sebelum ini dimaklumkan mengenai kemunculan seekor buaya sepanjang 3.4 meter yang masuk ke dalam empangan tersebut sejak 14 Disember lalu.

Katanya, tangkapan berjaya dibuat dengan kerjasama pihak Syarikat Air Melaka Bhd. (SAMB) dan Badan Kawal Selia Air (BKSA) yang membuat kerja-kerja pengeringan kolam menggunakan pam.

“Sebelum ini, pihak jabatan telah dimaklumkan kehadiran buaya itu di dalam empangan, namun dua minggu lalu kami dimaklumkan haiwan tersebut masuk ke kawasan limpahan dan pemantauan dibuat sejak Jumaat lalu.

“Kerja-kerja menangkap dimulakan sejak Isnin minggu lalu dengan bantuan BKSA, SAMB, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia dan bomba. Tangkapan berjaya dibuat kira-kira pukul 5 petang,” katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Sementara itu, seorang kakitangan SAMB, Mohd. Sham Hussin, 34, berkata, dia yang bertugas di empangan tersebut terkejut selepas mendapati buaya tersebut yang dipercayai dari kawasan Machap telah masuk ke kawasan aliran empangan.

Difahamkan buaya tembaga tersebut dibawa ke Paya Indah Wetland, Selangor.



SEEKOR buaya tembaga seberat 200 kilogram yang tersesat di dalam Empangan Durian Tunggal berjaya ditangkap kelmarin.